

21/10/1998

Sidang Apec medan buktikan kebenaran Malaysia

KALI terakhir sidang kemuncak tahunan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) diadakan untuk menggalak perdagangan bebas, Perdana Menteri Jepun meyakinkan semua orang ekonomi negaranya tidak akan menjadi mangsa krisis kewangan Asia.

Negara tuan rumah ketika itu, Kanada, dikritik oleh sesetengah pihak kerana bertindak terhadap mereka yang terbabit dalam demonstrasi mengutuk Suharto, pemimpin Indonesia ketika itu.

Presiden Bill Clinton pula, yang begitu popular dengan ekonomi yang dicemburui negara lain, turut bersama-sama pemimpin lain menggesa negara seperti Thailand dan Korea Selatan menerima kenyataan dan mematuhi reformasi ekonomi yang dituntut oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Begitu banyak sekali cabaran baru yang muncul selepas itu, ketika Apec yang mempunyai 21 negara anggota bersiap sedia untuk bertemu semula di Kuala Lumpur, bulan depan.

Jepun, ekonomi kedua terbesar di dunia dan sauh kepada Asia, kini turut menderita serangan kemelesetan paling teruk sejak Perang Dunia Kedua, dan berita buruk itu menyebabkan Ryutaro Hashimoto hilang jawatan.

Suharto yang memerintah Indonesia selama 32 tahun diketepikan oleh gerakan prodemokrasi secara huru-hara dan negara yang mempunyai bilangan penduduk keempat terbesar dunia itu kini bermasalah kewangan.

Wall Street kini sedang menangani kejatuhan mendadak. Dan walaupun Clinton berjanji untuk menghadiri sidang Apec, sesetengah pihak mula tertanya-tanya bagaimana beliau boleh berbuat demikian ketika menghadapi kemungkinan hilang jawatan, kerana skandal seks dengan Monica Lewinsky.

Lebih teruk lagi, krisis ekonomi Asia menunjukkan tanda menjangkiti seluruh dunia dan semakin ramai ahli ekonomi mengkritik cara IMF menangani pakej penyelamatnya.

Sesetengah ahli ekonomi yang disegani malah pergi lebih jauh, mempersoalkan sama ada falsafah pasaran bebas tidak menyebabkan sesetengah negara rapuh kepada kegiatan spekulator pasaran utama.

Sebenarnya, Malaysia bukan satu-satunya negara yang mengamalkan mekanisme pertahanan diri seperti kawalan dagangan mata wang secara berpilih, Hong Kong baru-baru ini berbelanja besar untuk melabur di pasaran sahamnya sendiri untuk melindunginya daripada spekulator.

Washington pula sedang cuba mencari jalan apa hendak dilakukan dengan dana lindung nilai selepas melihat Agensi Rizab Persekutuannya menyelamatkan satu dana besar yang lumpuh, dan pelaburan dana lain yang menyebabkan dolar menjunam berbanding yen.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mungkin boleh membuka sidang kali ini dengan ucapan: "Bukankah saya sudah katakan dulu?"

(END)